

08 JAN 1999

Tajol-Terima kasih

TAJOL UCAP TERIMA KASIH KEPADA DR MAHATHIR ATAS PELANTIKAN

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Tajol Rosli Ghazali yang diumumkan pelantikannya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memberi kepercayaan kepada beliau.

"Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana melantik saya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan saya berharap saya dapat menjalankan tugas sebagaimana yang diamanahkan," katanya kepada pemberita di sini.

Ditanya sama ada beliau memikirkan sebarang pembaharuan bagi portfolio yang akan beliau sandang itu, Tajol berkata beliau mengetahui jabatan dan agensi yang akan terlibat di bawah portfolio beliau.

Beliau yang mula menyertai Umno ketika berusia 23 tahun, pernah menjawat jawatan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan selama dua tahun bermula Mei 1995.

Tajol juga pernah dilantik sebagai Timbalan Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos antara tahun 1990 hingga 1995.

Anak kelahiran Lenggong, Perak ini mendapat pendidikan awal Sekolah Melayu Permatang, Teluk Intan dan menyambung persekolahan peringkat menengah di Anderson Secondary School, Lenggong dan Geelong Grammar School di Victoria, Australia.

Bapa kepada tiga anak ini kemudian melanjutkan pelajaran di Universiti Melbourne dalam bidang Perdagangan dari tahun 1964 hingga 1966.

Tajol memulakan kariernya dalam politik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar antara tahun 1983 hingga 1986.

Beliau kemudian dilantik Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) pada Ogos 1984 hingga Okt 1986 dan dilantik sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Beliau mula memegang jawatan sebagai Ketua Umno Bahagian Grik sejak 1984 dan dipilih sebagai anggota Majlis Tertinggi Umno (tempat ke-lapan) pada April 1987.

Beliau dilantik semula sebagai anggota MT untuk penggal 1993/1996 serta 1996/1999.

Pada tahun 1986, Tajol dianugerahkan Darjah Datuk Paduka Mahkota Perak yang membawa gelaran "Datuk".

-- BERNAMA

WNZ AFY FAZ